



Indikator cari makanan halal di luar negara

Pastikan *toyyib* dari segala sudut termasuk khasiat

SEPERTI kebiasaan, setiap hujung tahun ramai dalam kalangan kita mengambil kesempatan untuk bercuti bukan sahaja di dalam, malah di luar negara.

Pun begitu, apabila ke negara yang bukan majoritinya beragama Islam bagi tujuan melancong atau mempunyai urusan di sana, 'isu' makanan halal seringkali dibimbangkan.

Ya, sebagai Muslim, sudah tentu perkara berkenaan menjadi keutamaan kerana makanan akan menjadi darah daging kita.

Menjawab beberapa persoalan yang sering dilontarkan dan menjadi tanda tanya ramai, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkongsi soal jawab berkaitan isu makanan halal ketika berada di luar negara.



KEWAJIPAN memastikan makanan yang akan dimakan adalah halal tetap menjadi keutamaan di mana-mana sahaja kita berada.

SOALAN 1: Apakah asas pertimbangan dalam mencari makanan halal?

JAWAPAN:

MENJADI tanggungjawab umat Islam untuk memastikan setiap makanan dan minuman yang akan diambil adalah daripada sumber yang diyakini halal dan *toyyib*.

Sabda Rasulullah SAW: "Tidak akan masuk syurga daging yang tumbuh dari hal yang dimurkai ALLAH (haram), dan neraka adalah paling tepat untuknya." (Riwayat Ahmad)

Halal bermaksud sesuatu yang dihalalkan oleh ALLAH SWT, manakala *toyyib* pula bermaksud baik. Oleh itu, gabungan halal dan *toyyib* dalam konteks makanan halal membawa maksud makanan yang hendak dijamah itu bukan sahaja berstatus halal, tetapi ia mestilah dipastikan *toyyib* dari segala sudut iaitu penyediaan, pembungkusan dan termasuklah juga khasiatnya.

Firman ALLAH SWT: "Dan ALLAH menghalalkan bagi mereka segala benda yang *toyyib*, dan mengharamkan kepada mereka

segala benda yang buruk." (Surah al-A'raf, ayat 157)

Berdasarkan ayat itu, lawan kepada *toyyib* ialah *khabith*. Antara ciri-ciri *khabith* dalam pemilihan makanan ialah:

- 1 Sesuatu makanan atau minuman yang memudaratkan.
- 2 Sesuatu makanan atau minuman yang mengeluarkan bau yang busuk.

Dua ciri-ciri tersebut merupakan sebahagian daripada indikator *khabith* atau makanan yang perlu dijaui apabila berhadapan kesukaran dalam mencari makanan halal.

Oleh itu, pertimbangan secara umum bagi umat Islam dalam mencari makanan halal adalah dengan memastikan bahawa setiap makanan yang akan diambil itu diyakini dari sudut kehalalannya dan 'ketoyyibannya'.

Dengan kemudahan yang ada pada hari ini, umat Islam boleh menyemak status halal makanan dengan melayari portal laman sesawang <http://www.halal.gov.my>.

SOALAN 2: Bagaimana cara terbaik untuk memilih makanan di luar negara yang tidak dapat dipastikan status halalnya?

JAWAPAN:

TANGGUNGJAWAB untuk mematuhi hukum syarak ke atas umat Islam tetap menjadi keutamaan tanpa mengira tempat dan masa.

Perkara pertama yang wajib dilaksanakan adalah dengan berusaha sebaiknya untuk mencari makanan halal dengan bantuan teknologi seperti merujuk kepada aplikasi carian makanan halal atau dengan bantuan masyarakat tempatan.

Sabda Rasulullah SAW: "Tinggalkan apa yang meragukan kamu (dan berpalinglah) kepada yang tidak meragukan kamu." (Riwayat Tirmidzi dan Ahmad)

Hadis di atas menjadi kaedah umum yang boleh diaplikasikan dalam setiap perkara dalam kehidupan seorang Muslim. Menjauhi apa-apa perkara yang meragukan pasti akan menyelamatkan diri seorang Muslim daripada melakukan perkara yang diharamkan oleh ALLAH SWT.

Ia bersesuaian dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Nu'man Bin Bashir: "Sesungguhnya halal itu jelas, haram juga jelas dan di antara keduanya adalah perkara syubhah (meragukan) yang tidak diketahui ramai, maka barang siapa yang menjaga dirinya daripada melakukan perkara yang syubhah (meragukan), maka selamatlah agamanya dan dirinya, tetapi sesiapa yang melakukan dalam perkara syubhah (meragukan), maka dia akan melakukan perkara yang diharamkan." (Riwayat Muslim)

SOALAN3: Adakah konsep darurat boleh diaplikasikan ketika menghadapi kesukaran mencari makanan halal ketika di luar negara?

JAWAPAN:

FIRMAN ALLAH SWT:

"Sesungguhnya ALLAH hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana ALLAH, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingini dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya ALLAH Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Surah al-Baqarah, ayat 173)

Berdasarkan ayat itu, para ulama meletakkan parameter mengukur tahap darurat:

- Darurat yang dihadapi itu memang benar-benar berlaku bukan hanya sangkaan semata-mata seperti risiko kehilangan nyawa atau kemusnahan harta benda. Sekiranya ia hanya andaian, ia hendaklah andaian yang kuat seperti telah melalui proses pengalaman dan pemerhatian teliti.

- Tidak ada jalan lain yang dibenarkan oleh syarak untuk mengelakkan kemudatan itu.

- Berusaha untuk tidak memilih perkara yang secara terang-terangan melanggar prinsip asas syariat Islam dan akidah Islamiah seperti memilih untuk meminum air yang diyakini arak berbanding air lain yang meragukan. Ia bererti, jika dalam keadaan darurat, seseorang itu mesti memilih mudarat yang lebih ringan dan tidak secara terang-terangan melanggar perkara-perkara asasi dalam Islam. Ketika melepaskan diri daripada keadaan darurat, seseorang itu mestilah melakukannya dengan kadar yang perlu sahaja, bukan selesai melakukan perkara yang terlarang itu berdasarkan kaedah 'darurat diukur dengan tingkatannya'.



BERUSAHA sebaiknya untuk mencari makanan yang halal dengan bantuan teknologi seperti merujuk kepada aplikasi carian makanan halal atau dengan bantuan masyarakat tempatan.



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy